



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
National University of Malaysia

Jabatan Bendahari • Bursar's Office

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld. X

Tarikh : 28 Disember 2009

PEKELILING BENDAHARI BIL. 23/2009

Dekan/Pengarah/Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan,

**PENYERTAAN PROGRAM DANA WAQAF DAN INFAQ UKM
MELALUI POTONGAN GAJI BAGI KAKITANGAN UKM**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memohon kerjasama untuk memaklumkan kepada kakitangan untuk menyertai Program Dana Waqaf dan Infaq UKM.

2. Program Dana Wakaf dan Infaq UKM adalah aktiviti penjanaan dana melalui sumbangan wang dari warga dan alumni UKM serta masyarakat umum kepada UKM sebagai amalan kebajikan berasaskan konsep wakaf (endowmen) dan infaq (sedekah). Program ini membolehkan seseorang peserta merancang aktiviti kebajikan mengikut kemampuan kewangannya.

3. Bagi memudahkan menyertai program ini, Jabatan Bendahari menyediakan kemudahan potongan gaji kepada kakitangan yang berminat untuk menyertai program ini. Bersama-sama ini dilampirkan Borang Penyertaan Dana Waqaf Dan Infaq UKM untuk penyertaan program ini.

4. Sila berhubung dengan pihak Yayasan Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia di talian 03-89213761/3675 bagi mendapatkan keterangan lanjut penyertaan program ini. Atas perhatian dan tindakan YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan diucapkan berbilang terima kasih.

Yang benar,

MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k: Naib Canselor, UKM
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
Pendaftar, UKM
Pengarah, Yayasan Canselor, UKM.